

Malangnya, sungai sepanjang 46 kilometer (km) berkenaan tercemar akibat kerakusan manusia membuang sampah dan sisa daripada pelbagai kegiatan di sekitar sungai berkenaan.

Lebih menyedihkan pada 2021, Sungai Tebrau dikategorikan sebagai sungai ke-53 terkotor di dunia oleh badan bukan kerajaan (NGO), *Ocean Cleanup*.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd Aziz berkata, masalah pencemaran di Sungai Tebrau bagai tiada kesudahan, malah keadaannya bertambah buruk.

Katanya, sampah sarap termasuk perkakas plastik, botol minuman, kayu dan sampah pukat akan memenuhi sungai setiap kali air

Sungai Tebrau dikategori ke-53 terkotor di dunia



LONGGOKAN sampah di tebing Sungai Tebrau, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

pasang yang bukan hanya mencatatkan pemandangan, tetapi musnahkan ekosistem marin.

“Masalah ini menyebabkan nelayan terpaksa ke kawasan lebih jauh termasuk Kuala Sungai Johor untuk menangkap ikan.

“Bukan saja permukaan air yang kotor, ada nelayan yang menangkap ikan di kawasan berhampiran mendakwa sampah yang tersangkut di jaring pernah mencecah 50 kilogram berbanding hasil tangkapan hanya lima kilogram.

“Selain itu, nelayan turut mengalami kerugian apabila peralatan menangkap ikan rosak akibat sampah di dasar sungai,” katanya yang memaklumkan pencemaran di sungai itu turut mengakibatkan kualiti sungai lain merudum.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Bumi Hijau Johor, P Siva Kumar berkata, pembangunan pesat selain sikap tidak bertanggungjawab se-

54 setinggaan punca sungai tercemar

Johor Bahru: Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menggandakan kerja pembersihan kepada dua kali sehari dalam usaha menangani masalah pencemaran di Sungai Tebrau.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Mohd Noorazam Osman berkata, sebelum ini kira-kira dua tan sampah dikutip kontraktor yang dilantik MBJB di lokasi itu setiap hari.

Katanya, pembersihan juga dilaksanakan di sekitar pesisir Jalan Bayu Puteri, Taman Bayu Puteri di sini, bagi mengubah wajah sungai itu secara berperingkat.

“Sungai adalah tanggungjawab bersa-

gelintir masyarakat yang gemar membuang sampah menjadi punca pencemaran Sungai Tebrau.

Katanya, semua pihak seharusnya komited dalam mencari langkah penyelesaian jangka pendek dan panjang, selain menguji kualiti air sungai dari semasa ke semasa.

ma dan kita perlu menanamkan sifat sayangkan alam sekitar dalam diri kita, ahli keluarga, jiran tetangga dan masyarakat setempat,” katanya ketika dihubungi.

Dalam pada itu, Mohd Noorazam berkata, pihaknya mengenal pasti antara punca pencemaran sungai itu termasuk kewujudan 54 kawasan setinggaan di sekitar bandar raya.

Katanya, ia juga cabaran buat pihak berkuasa tempatan untuk memastikan penduduk mengamalkan membuang sampah dengan betul dan tidak membuang sampah sesuka hati.

“Sebelum ini kami pernah menjalankan usaha membuang bebola lumpur mikroorganisma efektif (EM) bagi merawat air di sungai berhampiran,” katanya.

Penduduk, Mohd Fairuz Muhammad, 34, berkata, usaha menaik taraf Sungai Tebrau boleh dipertimbangkan

supaya ia menjadi produk pelancongan seperti Sungai Segget yang kini menjadi tarikan di Johor Bahru.

“Penyumbang utama masalah sampah ini adalah sikap manusia itu sendiri, selagi tiada kesedaran selagi itulah masalah sampah ini tidak akan selesai,” katanya yang mencadangkan kuti-



Bukan saja permukaan air yang amat kotor, ada nelayan yang menangkap ikan di kawasan berhampiran mendakwa sampah yang tersangkut di jaring mereka pernah mencecah 50 kilogram berbanding hasil tangkapan hanya lima kilogram”

Azli Mohd Aziz

pan sampah dilakukan dua kali sehari.

Pada Mac 2017, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mencemar duli melakukan lawatan mengejut di Sungai Tebrau, menzahirkan rasa kesal dengan pembuangan sampah dan pencemaran yang berlaku di kawasan itu.